



Ruj. Kami : PPS.01/02/56 Jld. 23 (6)
Tarikh : Jun 2018

Presiden
Kelab Olahraga Pacesetters
33, Block C, Lorong Jugra,
Taman Sri Lembah, 3½ Miles, Old Klang Road,
58100 Kuala Lumpur

Tuan/Puan,

AKTA 576: MENJALANKAN AKTIVITI SUKAN – ALLIANZ PACESETTERS 4 x 3KM 2018

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Pejabat ini tiada halangan untuk pihak tuan/puan menganjurkan acara **ALLIANZ PACESETTERS 4 x 3KM 2018** pada **3 November 2018** bertempat di **Tapak C, Perdana Botanical Gardens, Kuala Lumpur**.
3. Walau bagaimanapun penganjuran acara ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat seperti yang tertera di dalam **Lampiran A**.
4. Pejabat ini berharap acara yang dianjurkan akan berlangsung dengan jayanya demi kecemerlangan pembangunan sukan negara.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,

(DATO ZAITON BINTI OTHMAN)

Pesuruhjaya Sukan Malaysia

Pematuhan syarat yang dikenakan ke atas penganjuran aktiviti sukan

1. Penganjur adalah tertakluk kepada apa-apa syarat yang dikenakan ke atas penganjuran aktiviti sukan ini oleh Pesuruhjaya yang boleh mengenakan apa-apa syarat dan boleh, pada bila-bila masa, meminda syarat.
2. Penganjur hendaklah mematuhi syarat yang dikenakan ke atas penganjuran aktiviti sukan ini.
3. Penganjur yang melanggar atau gagal mematuhi syarat-syarat adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

Syarat-syarat:

1. Kebenaran penganjuran aktiviti sukan ini tidak tertakluk kepada sebarang komitmen kewangan daripada pihak Kementerian Belia Dan Sukan (KBS);
2. Penganjur hendaklah memastikan penganjuran adalah mendapat pengiktirafan badan pengelola sukan tersebut sama ada di peringkat tempatan atau antarabangsa;
3. Penganjur hendaklah bertanggungjawab sepenuhnya bagi memastikan sebarang masalah atau kesulitan tidak berbangkit dalam penganjuran ini yang boleh menjejaskan imej Negara;
4. Penganjur hendaklah bertanggungjawab sepenuhnya terhadap keperluan kewangan, teknikal dan venue pertandingan;
5. Penganjur hendaklah memastikan prosedur pertandingan dan keselamatan dipatuhi dengan sewajarnya termasuk mendapatkan kebenaran pemilik premis, pihak berkuasa tempatan, polis, imigresen dan perlindungan insuran bagi maksud penganjuran tersebut;
6. Penganjur hendaklah memastikan setiap peserta sama ada tempatan atau luar negara memahami, mematuhi dan menghormati adat resam dan dasar negara Malaysia;

7. Penganjur hendaklah mempamerkan surat kebenaran atau nombor rujukan surat kebenaran dan apa-apa maklumat lain yang berkaitan di dalam sebarang bentuk bahan, dokumen dan komunikasi yang digunakan bagi maksud menjalankan atau menganjurkan pertandingan sukan sebagaimana dibenarkan.
8. Penganjur hendaklah memastikan prinsip-prinsip protokol rasmi kerajaan Malaysia dipatuhi bagi memastikan imej kerajaan tidak terjejas; dan
9. Penganjur hendaklah melibatkan penyertaan pegawai dari Kementerian Belia Dan Sukan atau Jabatan Belia Dan Sukan Negeri dalam jawatankuasa penganjuran sekiranya perlu.
10. Penganjur hendaklah memberi bantuan dan kerjasama kepada sebarang aktiviti pemantauan dan penilaian yang dijalankan oleh Pejabat ini pada bila-bila masa yang difikirkan perlu.
11. Penganjur hendaklah mengemukakan laporan penganjuran kepada Pesuruhjaya dalam tempoh tiga puluh (30) hari selepas berakhirnya penganjuran.

Aktiviti yang dilarang oleh penganjuran aktiviti sukan

1. Penganjur tidak boleh—
 - (a) menjalankan apa-apa aktiviti selain aktiviti yang baginya kebenaran penganjuran aktiviti sukan itu dikeluarkan; dan/atau
 - (b) menjalankan apa-apa aktiviti yang dibenarkan di dalam premis selain premis yang dinyatakan dalam penganjuran aktiviti sukan; dan/atau
 - (c) menjalankan apa-apa aktiviti lain yang menyalahi undang-undang Malaysia.
2. Penganjur yang melanggar atau gagal mematuhi syarat-syarat adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

Kesahan penganjuran aktiviti sukan

Kebeneran penganjuran ini hendaklah sah bagi tempoh sebagaimana yang ditentukan oleh Pesuruhjaya dari tarikh pengeluaran Kebeneran Penganjuran aktiviti sukan.

Pembatalan penganjuran aktiviti sukan

1. Kebenaran penganjuran ini boleh dibatalkan sekiranya Penganjur didapati:-
 - (a) melanggar atau gagal mematuhi apa-apa syarat yang dikenakan;
 - (b) telah disabitkan dengan kesalahan-kesalahan di bawah Akta ini atau undang-undang bertulis yang lain;
 - (c) telah digulung (wind up) melalui perintah mahkamah;
 - (d) tidak lagi mendapat sanksi menganjurkan sukan itu daripada badan pengelola;
 - (e) tidak lagi mendapat penajaan bagi menganjurkan acara sukan tersebut (jika ia berkenaan);
 - (f) memberikan maklumat yang tidak benar;
 - (g) menggunakan penganjuran aktiviti sukan bagi maksud yang menyalahi undang-undang;
 - (h) tujuan asal yang baginya penganjuran aktiviti sukan itu dikeluarkan tidak lagi wujud;
 - (i) telah berhenti menjalankan aktiviti yang baginya penganjuran aktiviti sukan itu dikeluarkan;
 - (j) telah mencemarkan imej baik negara; atau
 - (k) terdapat apa-apa hal keadaan lain yang memerlukan tindakan sedemikian.

2. Penganjur hendaklah mengemukakan jawapan kepada Pesuruhjaya dalam tempoh empat belas (14) hari sekiranya dikenakan tindakan surat tunjuk sebab sebelum pembatalan penganjuran aktiviti sukan dilaksanakan.

Penyerahan balik kebenaran penganjuran aktiviti sukan

1. Penganjur hendaklah menyerahkan balik kebenaran penganjuran aktiviti sukan ini kepada Pesuruhjaya dalam tempoh empat belas (14) hari selepas penganjuran aktiviti sukan dibatalkan.
2. Penganjur yang gagal mematuhi perkara (1) telah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan, boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya sekali.